

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Kapal Korea untuk Tentera Laut kita

KUALA LUMPUR, Ahad — Malaysia telah menempah sebuah kapal seberat 4,000 tan dari Korea Selatan untuk kegunaan Tentera Laut.

Kapal itu dijanjikan siap dalam tempoh setahun.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan hari ini, Kerajaan ada menghantar pegawai-pegawainya untuk menyelia pembinaan kapal itu.

Bellau yakin projek itu akan siap mengikut jadual kerana para pekerja Korea itu bekerja hingga lewat malam.

Perdana Menteri juga yakin syarikat Korea yang menjalankan projek jambatan Pulau Pinang akan menyiapkannya dalam tempoh tiga tahun, sebagaimana ditetapkan.

Perdana Menteri menyatakan perkara ini untuk membuktikan semangat kuat bekerja rakyat Korea supaya ia dapat dicontohi oleh rakyat tempatan.

Menurutnya, rakyat Korea tidak mahu maruah mereka jatuh kerana tidak dapat menunaikan janji.

Katanya, keadaan ini berbeza dengan rakyat negara ini yang masih mementingkan cuti, menonton televisyen dan perkara-perkara lain yang tidak penting.